SEBUTHARGA BAGI KERJA-KERJA PEMASANGAN ALAT PENGHAWA DINGIN BARU DI RUANGAN PEJABAT KAKITANGAN JABATAN SUMBER MANUSIA, KOMTAR, D.T.L., PULAU PINANG.
QUO/FA/85/16(BS)

Sebutharga adalah dipelawa daripada syarikat / kontraktor yang berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) – Maklumat Perniagaan / Maklumat Korporat dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Gred G1, Kategori M01 (Sistem Hawa Dingin) atau Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 220301 (Alat Hawa Dingin-Window/Split)** serta beralamat pendaftaran **di Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya, Pulau Pinang** sahaja bagi mengemukakan sebutharga untuk perkhidmatan yang dinyatakan di atas.

Syarikat / kontraktor yang berminat untuk mengemukakan sebutharga di atas adalah **diwajibkan** menghadiri taklimat tapak seperti di alamat, tarikh dan masa berikut :

Tempat Berkumpul	: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd Tingkat 32, Hadapan Jabatan Sumber Manusia Kompleks Tun Abdul Razak, Jalan Penang 10000 Pulau Pinang.
Tarikh	: 01hb Disember 2016 (Khamis)
Masa	: 10.00 pagi

Hanya pemilik lesen yang sah sahaja **WAJIB** hadir ke lawatan tapak **(wakil tidak dibenarkan)**. **Sila bawa bersama sijil asal dan salinan Pendaftaran Kontraktor yang berkaitan (SSM dan CIDB atau Kewangan) serta cop syarikat pada hari lawatan tapak dan semasa membeli dokumen sebutharga.** Dokumen sebutharga **tidak akan dijual** pada mana-mana kontraktor **yang gagal menghadiri sesi taklimat tapak dengan sepenuhnya pada hari tersebut**.

Dokumen sebutharga akan mula dijual di Jabatan Perancang dan Pembangunan, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd., L4, ICT, Phase 1B, Tingkat 4, Kompleks Tun Abdul Razak, Jalan Penang, 10000 Pulau Pinang mulai **01hb Disember 2016** pada waktu pejabat **(10.00 pagi hingga 4.00 petang).** Harga dokumen sebutharga adalah **RM30.00** senaskah dan bayaran harus dibuat dalam bentuk tunai sahaja

Sebutharga akan ditutup pada **15hb Disember 2016, sebelum jam 12.00 tengahari**. Dokumen sebutharga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis Nama Sebutharga, Nombor Sebutharga dan Tarikh Tutup di sudut atas sebelah kiri dan di alamatkan kepada :

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD.
L4, ICT, PHASE 1B, TINGKAT 4
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK, JALAN PENANG
10000 PULAU PINANG.

Sebutharga tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Pejabat Jabatan Perancang dan Pembangunan, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd., L4, ICT, Phase 1B, Tingkat 4, Kompleks Tun Abdul Razak, Jalan Penang,10000 Pulau Pinang.

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF